

**STRATEGI PELAKSANAAN**  
**PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : LET'S GET CRAFTY  
**FUNGSI** : KRAF DAN KREATIF  
**TAJUK** : PASU COMELKU (PAPER MACHE)

BIL .	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi kreatif).
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KE 3.3.4	Menghasilkan binaan kreatif.
		FK 1.1.2	Menunjukkan koordinasi mata dan tangan dan kemahiran motor halus melalui pelbagai aktiviti.
		BM1.2.3	Mendengar, memahami dan memberi respons secara bertatasusila terhadap : i) ucap selamat ii) arahan yang mudah
3	<b>STREAM</b>	S	Memerhati dan membuat inferens cara membuat pasu.
		T	Menggunakan <i>glue gun</i>
		R	Mengamalkan sikap sabar, berhati-hati dan teliti.
		E	Melakar reka bentuk pasu.
		A	Membentuk dan menghias pasu mengikut kreativiti.
		M	Mengelas warna dan saiz pasu
4	<b>OBJEKTIF</b>	Pada akhir pembelajaran, murid dapat menghasilkan pasu menggunakan kaedah <i>paper mache</i> .	
5	<b>BBM</b>	Surat khabar, gam polisterin, air, botol mineral (yang telah digunting), glue gun , besen, warna air, berus, bekas warna, tali warna, gunting, reben.	

6	<b>NILAI MURNI</b>	Bekerjasama, berhati-hati, yakin, cermat dan sabar.
7	<p><b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.</li> <li>2. Guru memberi penerangan tentang aktiviti yang akan dijalankan.</li> <li>3. Kanak-kanak dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan bahan-bahan.</li> <li>4. Kanak-kanak mengoyak dan merendam cebisan surat khabar.</li> <li>5. Kanak-kanak melekatkan cebisan kertas surat khabar pada botol mineral sehingga membentuk pasu dan dikeringkan.</li> <li>6. Kanak-kanak menggulung kertas surat khabar dan membentuk bibir pasu, kemudian melekatkannya menggunakan <i>glue gun</i> pada pasu yang telah dikeringkan.</li> <li>7. Kanak-kanak mewarna dan menghias pasu mengikut kreativiti sendiri</li> <li>8. Kanak-kanak melakarkan pasu yang telah siap dihasilkan.</li> <li>.</li> <li>9. Kanak-kanak menyusun pasu mengikut saiz dan warna yang sama.</li> <li>10. Kanak-kanak digalakkan untuk menceritakan tentang hasil kerja sendiri.</li> <li>11. Pasu yang telah siap dipamerkan di ruang pameran dalam kelas.</li> </ol> <p><b><u>Nota: aktiviti ini tidak terhad kepada satu hari sahaja.</u></b></p>	